

Received: 08 September 2021; Accepted: 30 November 2021; Published: 30 December 2021

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2021-0602-05>

## ANALISIS WACANA AGAMA DAN GLOBALISASI: MENYINGKAP PENDEKATAN AL-QARDAWI

### Religious discourse analysis and globalization: Exploring al-Qardawi's Approach

Munif Zariruddin Fikri Nordin<sup>1</sup> & Mohd Shabri Yusof<sup>\*2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

<sup>2</sup>Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

<sup>\*</sup>msy@ukm.edu.my (Corresponding email)

#### Abstrak

Karya Sheikh Yusuf al-Qardawi (2004) *Khitābunā al-Islāmīy fī 'Asr al-'Awlamāt* (Wacana Islam Kita pada Era Globalisasi) merupakan respons dan pandangan beliau tentang impak globalisasi serta strategi penyelesaian yang sepatutnya diambil oleh masyarakat Islam. Oleh kerana pemikiran al-Qardawi bukan naratif agama semata-mata, maka terdapat ciri dan pendekatan linguistik dan bukan linguistik yang menjadi elemen teras wacana agama. Pemikiran beliau turut mengandungi gagasan pembentukan sebuah analisis wacana agama berteraskan epistemologi Islam. Apakah elemen teras wacana agama al-Qardawi tersebut? Bagaimanakah binaan gagasan dibentuk berdasarkan analisis wacana beliau? Artikel ini bertujuan (1) mengenal pasti elemen teras wacana agama dalam pemikiran al-Qardawi, dan (2) membina gagasan dan model analisis wacana agama berpandukan pendekatan al-Qardawi. Data kajian ini ialah lima belas ciri wacana agama yang diketengahkan dalam karya berkenaan. Kerangka teoretikal adalah berdasarkan empat elemen teras analisis wacana agama, iaitu praktis tauhid, ciri teks, praktis wacana dan praktis sosial. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesemua lima belas ciri dalam pendekatan wacana agama al-Qardawi mempunyai padanan dengan salah satu daripada keempat-empat elemen teras analisis wacana agama. Padanan tersebut memperlihatkan hampir terdapat keseimbangan antara elemen linguistik dengan bukan linguistik. Dapatkan juga menunjukkan bahawa pendekatan wacana agama al-Qardawi merupakan satu gagasan yang membentuk satu model analisis wacana agama, khususnya dalam linguistik, yang menawarkan interpretasi yang lebih kukuh kepada model analisis wacana agama sedia ada dalam menganalisis isu-isu agama kontemporari.

**Kata Kunci:** Analisis Wacana Agama, Globalisasi, Pendekatan al-Qardawi

#### Abstract

*Khitābunā al-Islāmīy fī 'Asr al-'Awlamāt* (Our Islamic discourse in the globalization era) is al-Qardawi's views on the impact of globalization and his proposed solutions for the Muslim community. Al-Qardawi's thoughts are not merely narratives but include various linguistic and non-linguistic elements which form the foundation of a religious discourse. His thoughts are reflective of a religious discourse anchored in Islamic epistemology. What are the fundamental elements of al-Qardawi's religious discourse? How are ideas shaped and moulded in the discourse? This article aims at (1) identifying the fundamental elements of religious discourse in al-Qardawi's thoughts, and (2) developing a religious discourse analysis model based on al-Qardawi's approach. The data of this study comprises fifteen religious discourse features highlighted in *Khitābunā al-Islāmīy fī 'Asr al-'Awlamāt*. The theoretical framework is based on four fundamental elements of religious discourse analysis, namely, tauhid, texts features, discourse practice and social practice. The findings show that all fifteen features in al-Qardawi's discursive approach match one of the four fundamental elements of religious discourse analysis. The match reveals that there is almost a balance between the linguistic and non-linguistic elements. The findings also show that al-Qardawi's religious discourse approach may contribute to the development of a useful discourse analysis model for religious discourse in the field of linguistics. The proposed model could offer better interpretations and complement existing religious discourse analysis models, particularly for the analysis of contemporary religious issues.

**Keywords:** Religious Discourse Analysis, Globalisation, al-Qardawi's Approach

## PENDAHULUAN

Dari perspektif linguistik moden, analisis wacana sebagai satu pendekatan silang disiplin dalam konteks sains sosial dan kemanusiaan dapat dimanfaatkan antara lain untuk menganalisis representasi imej melalui kepercayaan, dominasi, eksplorasi, perjuangan, kuasa dan sebagainya. Istilah *al-khiṭāb* yang merujuk kepada *discourse* (wacana) digunakan dengan meluas termasuk dalam genre agama, seperti yang diketengahkan oleh ulama kontemporari Sheikh Yusuf al-Qardawi (2004), khususnya dalam karya beliau *Khiṭābunā al-Islāmīy fī 'Asr al-'Awlamāt* (Wacana Islam Kita pada Era Globalisasi).

Di sebalik impak positif, globalisasi sering juga diwacanakan sebagai cabaran dan ancaman yang membawa impak negatif kepada masyarakat Islam, seperti isu jati diri, keaslian, perubahan dan kesejahteraan. Sebagai respons terhadap impak negatif tersebut, karya al-Qardawi mengetengahkan wacana islamik yang sarat dengan kupasan isu berkenaan serta strategi penyelesaiannya. Globalisasi dan cabaran yang dibawa oleh tamadun Barat awal abad ke-21 sehingga kini menjadikan analisis wacana agama semakin penting dan menarik untuk diteliti, lebih-lebih lagi apabila isu-isu antarabangsa pasca-11 September 2001, seperti Islamofobia semakin banyak membabitkan imej negatif Islam.

Imej tersebut melalui paparan seperti kemiskinan, kemunduran, keganasan, perang saudara dan pengeboman berani mati; khususnya oleh media-media yang pro-Barat diperlihatkan dalam bentuk yang negatif. Paparan seumpama ini menggambarkan seolah-olah Islam tidak memberikan sumbangan penting terhadap perkembangan tamadun manusia. Imej ini bertentangan dengan sifat-sifat yang Allah s.w.t. berikan kepada Islam, iaitu agama yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. sebagai rahmat kepada sekalian alam. Firman Allah s.w.t.:

وَمَا أَرْسَلْنَاكُ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(Surah al-Anbiya' 21: 107)

Dalam menghadapi cabaran seumpama ini; yakni membetulkan imej yang disalahertikan dan memberikan imej yang sebenarnya kepada Islam, maka wacana agama sebagai *wasilah* dakwah memerlukan analisis kontemporari yang lebih komprehensif. Bidang linguistik tidak ketinggalan berupaya memberikan sumbangan penting dalam memperkenalkan pendekatan analisis yang lebih berkesan.

Pemikiran al-Qardawi (2004) dalam karya beliau tidak sekadar menghidangkan naratif agama dengan rujukan al-Quran dan hadis, tetapi juga memuatkan ciri dan pendekatan linguistik dan bukan linguistik yang boleh diangkat sebagai elemen teras wacana agama. Pemikiran beliau juga mengandungi gagasan yang membentuk analisis wacana agama berteraskan epistemologi Islam. Persoalannya ialah apakah elemen teras wacana agama al-Qardawi tersebut, dan bagaimanakah binaan gagasan dibentuk berdasarkan analisis wacana beliau? Artikel ini bertujuan (1) mengenal pasti elemen teras wacana agama dalam pemikiran al-Qardawi, dan (2) membina gagasan dan model analisis wacana agama berpandukan pendekatan al-Qardawi.

## Sorotan Karya

Terdapat dua sub bahagian yang disorot, iaitu prinsip analisis wacana dan globalisasi.

### 1. Prinsip Analisis Wacana Agama

Umumnya, sama ada melibatkan teks agama atau sebaliknya, analisis wacana ialah analisis secara saintifik yang mempunyai prosedur dengan tujuan untuk mencerakinkan, yang melibatkan pengupasan, pembongkaran pemerihalan, penginterpretasian teks secara sistematis (Idris & Kamila, 2016: xiv). Gandingan analisis wacana dengan agama membawa maksud analisis yang melibatkan teks agama menggunakan prosedur yang saintifik untuk mencerakinkan makna.

Dalam linguistik Arab, istilah *tahlīl al-khiṭāb* (تحليل الخطاب) sama seperti istilah analisis wacana dalam bahasa Melayu merupakan terjemahan daripada istilah *discourse analysis* yang diperkenalkan oleh linguistik Barat pada awal 1990-an (Jørgensen dan Philips, 2002). Sebagai contoh, istilah ini digunakan oleh Mahmud 'Akasyah (2005, 2014) dalam *Al-Khiṭāb al-Siyāsi: Dirāsat Lughawiyat Tatbiqiyat fī Daw' Nażariyyat al-Ittiṣāl* dan *Tahlīl al-Khiṭāb fī Daw' Aḥdāth al-Lughat: Dirāsat Taṭbiqiyat li Asālib al-Ta'iħir wa*

*al-Iqnā' al-Hijājiy fī al-Khiṭāb al-Nuswiyy fī al-Qur'ān al-Karīm.*

Apa jua premis yang didukunginya, wacana agama (Islam) berfungsi menggambarkan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna dan lengkap. Fungsi ini meletakkan wacana agama pada landasannya yang tersendiri, iaitu untuk memenuhi keperluan sifat tabligh yang wajib dimiliki oleh setiap pewacana yang bertanggungjawab kepada agamanya. Setiap pewacana agama ialah pendakwah yang memikul kewajipan melaksanakan tabligh (Abdul Karim, 1987).

Ini bermakna bahawa untuk melaksanakan tugas menggambarkan sempurna dan lengkapnya Islam, wacana digunakan sebagai wasilah (medium). Ayat-ayat al-Quran yang bermula dengan perkataan *qul* (قُلْ) yang bererti “katakanlah wahai Muhammad” nyata sekali menunjukkan bahawa terdapat perintah yang tegas supaya Rasulullah s.a.w. dan umatnya yang menjadi penyambung risalah kerasulan baginda menggunakan dan memanfaatkan wacana sama ada lisan atau tulisan (Abdul Karim, 1987).

Prinsip umum yang digariskan oleh al-Quran ialah setiap wacana, termasuk wacana agama mestilah memenuhi ciri-ciri hikmah kebijaksanaan, nasihat pengajaran yang baik dan perbahasan dengan cara yang lebih baik. Allah s.w.t. berfirman:

أَدْعُ إِلَيْكُمْ سَبِيلَ رَبِّكُمْ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُوعِظَةِ الْخَسِنَةِ وَجَدِلُهُمْ بِأَكْثَرِهِمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(Surah al-Nahl 16: 125)

Walau bagaimanapun, prinsip khusus setiap wacana adalah dinamik dan terbuka sesuai dengan perkembangan semasa. Oleh sebab itu, Idris Aman dan Kamila Ghazali (2016: xiii) bersetuju dengan tiga dimensi utama wacana, iaitu dimensi bentuk, dimensi fungsi dan dimensi idealisasi yang diusulkan oleh Rodney H. Jones (2012). Dimensi bentuk ialah dimensi yang mengkaji wacana sebagai unit linguistik yang lebih luas daripada ayat. Dimensi fungsi meletakkan wacana sebagai bahasa gunaan manusia untuk mencapai pelbagai tujuan, seperti berhujah, bertukar pandangan, mengajar, memujuk, berbincang dan sebagainya. Dimensi idealisasi pula menjadikan wacana wadah manusia menzahirkan ideologi, pandangan, falsafah, idea, identiti, kuasa dan sebagainya pada peringkat sosial (Idris & Kamila, 2016: xiii).

Idris Aman dan Kamila Ghazali (2016: xiv) juga menyokong tiga cara analisis yang lazim digunakan dalam analisis wacana, sebagaimana yang dikemukakan oleh Norman Fairclough (2010), iaitu analisis teksual, analisis kewacanaan dan analisis sosiobudaya. Ketiga-tiga cara terbabit ditandai oleh orientasi yang tersendiri. Orientasi analisis teksual ialah deskriptif, orientasi analisis kewacanaan ialah interpretatif, manakala orientasi analisis sosiobudaya ialah kritis (Idris & Kamila, 2016: xiv).

Dalam tradisi ilmu pengajian Islam, orientasi deskriptif dan orientasi interpretatif dapat dikesan dalam metodologi ilmu tafsir, iaitu ilmu yang prinsipnya memiliki banyak persamaan dengan analisis wacana agama. Kajian Munif Zariruddin Fikri Nordin (2016) yang meneliti metodologi tafsir Muhammad Ali al-Sabuniy (1979) dalam *Safwat al-Tafsīr* mendapatkan orientasi deskriptif diterapkan dalam analisis leksikal dan semantik, sementara orientasi interpretatif digunakan dalam analisis pentafsiran (al-tafsir) beliau. Dalam analisis sosiobudaya, orientasi kritis tidak pula digunakan; orientasi yang digunakan ialah spekulatif, seperti analisis akan berlaku bala dari Tuhan sebagai balasan atas kejahatan yang manusia lakukan.

## 2. Globalisasi

Menurut *Kamus Dewan* (2000), globalisasi ialah fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Globalisasi antara lain dicirikan oleh penyatuhan dunia dan manusia sebagai satu unit keseluruhan, pengintegrasian unit sosial, budaya, politik dan ekonomi sebagai satu rangkaian yang luas, kewujudan tindak balas dan rangsangan unit-unit yang terlibat terhadap unit yang lain, dan kepesatan infrastruktur pengangkutan dan telekomunikasi (Lim & Har, 2007: 7). Globalisasi juga disifatkan sebagai dunia tanpa sempadan, perkampungan dunia dan langit terbuka (Mustafa, 2002).

Umumnya, bentuk globalisasi meliputi aspek-aspek politik, ekonomi, sosial, budaya dan lain-lain. Namun begitu, banyak aspek yang diheret sama dan yang boleh diglobalisasikan. Antaranya, barang,

perkhidmatan, kewangan, maklumat, tingkah laku manusia, norma kehidupan dan praktis budaya (Osman, 2008).

Cabaran globalisasi kepada dunia amnya dan dunia Islam khususnya amat besar sama ada dalam bentuk positif atau negatif. Al-Qardawi (2001) menegaskan bahawa globalisasi membawa cabaran baru kepada dunia di sebalik kesan positif dan negatifnya. Namun begitu, globalisasi ialah atau proses yang tidak dapat dihalang. Gelombang seperti globalisasi bukanlah baharu kerana Islam sendiri pernah membawa gelombang yang sama. Contohnya, pelaksanaan konsep persaudaraan Islam yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. antara golongan Ansar dan Muhajirin, kesatuan kiblat dan kitab suci, ketauhidan dan keseragaman sistem peribadatan juga melibatkan persefahaman sejagat yang membentuk umat Islam global (al Qardawi, 2001).

Namun begitu, beliau juga mengingatkan tentang keburukan globalisasi melalui sisi negatifnya, iaitu perihal pemakaian pengurusan politik, ekonomi, budaya dan sosial daripada Amerika Syarikat terhadap dunia, khususnya dunia timur dan dunia ketiga, bahkan secara lebih khusus dunia Islam (al-Qardawi, 2001). Noddings (2010) turut menegaskan bahawa globalisasi berkait rapat dengan proses pembaratan yang menenggelamkan etika dan nilai, penindasan terhadap negara miskin dan sedang membangun, monopolai media Barat secara berterusan ke atas dunia ketiga, dasar teknologi maklumat dan komunikasi yang sering mengancam ideologi dan akidah agama.

Osman Bakar (2008) yang mengutip pandangan Chandra Muzaffar (1998) menyenaraikan lapan kebaikan globalisasi yang turut memberikan impak yang positif kepada masyarakat Islam, iaitu:

- a) Peranan pelaburan asing dalam mewujudkan pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan di sebilangan negara.
- b) Peningkatan mobiliti sosial dan pengukuhan kelas menengah.
- c) Peluang yang lebih luas untuk mendapatkan maklumat dan menyebarkan ilmu pengetahuan hasil kepesatan teknologi baru komunikasi dan maklumat.
- d) Komunikasi yang lebuh mudah dan juga murah.
- e) Peluang yang lebih luas untuk manusia dari pelbagai kumpulan etnik, budaya dan agama berinteraksi.
- f) Peluang lebih luas untuk menzahirkan simpati dan rasa keperimanusiaan mereka terhadap mangsa-mangsa pelbagai jenis bencana alam dan tragedi buatan manusia di seluruh dunia.
- g) Penonjolan idea-idea dan amalan pemerintahan yang baik, seperti pertanggungjawaban awam, peraturan undang-undang dan hak asasi manusia.
- h) Penonjolan hak asasi kaum wanita.

Tetapi, keburukan globalisasi yang turut menjadi cabaran dan ancaman besar kepada masyarakat Islam seperti yang disenaraikan oleh Chandra (Osman, 2008) jauh lebih panjang, iaitu tiga belas:

- a) Kualiti alam sekitar yang semakin merosot sebagai akibat terlalu mementingkan faktor keuntungan.
- b) Pembangunan yang tidak seimbang dan jurang perbezaan ekonomi yang semakin melebar antara kawasan-kawasan di sesebuah negara dan antara sektor-sektor ekonomi.
- c) Pengabaian keperluan asas hidup di kalangan rakyat termiskin di banyak negara terutamanya di negara-negara selatan
- d) Modal jangka pendek yang keluar masuk pasaran seperti kilat sebagai akibat amalan baru yang menjadikan wang sendiri sebagai komoditi keuntungan.
- e) Pengangguran yang semakin memburuk dan jurang perbezaan pendapatan yang semakin melebar di negara-negara utara sendiri.
- f) Penyebaran budaya pengguna yang bertentangan dengan tuntutan nilai-nilai kerohanian dan moral yang murni dan yang merendahkan martabat keinsanan manusia.
- g) Kecenderungan ke arah pembentukan suatu budaya global yang homogen menerusi peranan yang dimainkan oleh perbadanan transnasional dan media komunikasi global.
- h) Penyebaran budaya pop Amerika yang “menyegarkan pancaindera dan mematikan roh”.
- i) Kecenderungan pusat-pusat pengajian tinggi untuk memberi keutamaan kepada kursus-kursus ilmu pengurusan dan teknik dengan mengabaikan kursus-kursus ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan.
- j) Pemanjakan maklumat yang tidak berguna.
- k) Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah memanipulasi isu-isu demokrasi dan hak asasi manusia untuk mendominasi politik dunia.
- l) Pengantarabangsaan jenayah yang sukar dibendung.
- m) Pengantarabangsaan penyakit.

Kajian Farah et. al. (2015) mengenal pasti cabaran terbesar dalam mendepani globalisasi di Malaysia, iaitu fahaman sekularisme dan dualisme yang meresap masuk ke dalam sistem pendidikan. Natijahnya, akan lahir dua kumpulan generasi muda; pertama, terlalu mementingkan daya intelek tanpa penghayatan agama dan kerohanian, manakala kedua, ahli agama yang langsung tidak menguasai asas-asas ilmu disiplin akal, seperti matematik, sains dan teknologi maklumat. Pemahaman dan penguasaan fikah berasaskan realiti dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia adalah suatu yang penting dalam mengimbangi dan mempertahankan akidah dan identiti agama daripada rempuhan arus globalisasi yang melanda.

### **Metodologi dan Kerangka Teoretikal Kajian**

Data kajian ini ialah lima belas ciri wacana agama yang diketengahkan oleh ulama kontemporari yang dihormati, Sheikh Yusuf al-Qardawi (2004: 54-194) dalam karya beliau *Khitābunā al-Islāmīy fī 'Asr al-'Awlamāt* (Wacana Islam Kita pada Era Globalisasi), terbitan Dār al-Syurūq, Kaherah, Mesir. Al-Qardawi (2004) menyenaraikan kesemua ciri berkenaan secara berkronologi dan memberikan kupasan bagi setiap ciri di bawah tajuk *Khaṣa'is Khitābunā al-Islāmīy fī 'Asr al-'Awlamāt* (Ciri Wacana Islam Kita pada Era Globalisasi) dengan fokus kepada permasalahan dan pendekatan yang sepatutnya dilakukan oleh setiap Muslim. Terjemahan literal setiap ciri adalah seperti berikut:

1. Beriman kepada Allah dan tidak mengafirkan orang lain (halaman 56-64);
2. Beriman kepada wahyu dan tidak menolak peranan akal (halaman 65-78);
3. Menyeru kepada spiritual dan tidak meminggirkan material (halaman 79-90);
4. Memberikan tumpuan kepada ibadah ritual dan tidak mengabaikan nilai akhlak (halaman 91-99);
5. Menyeru ke arah menghargai kepercayaan dan menyebarkan toleransi dan kasih sayang (100-107);
6. Terpesona dengan contoh ikonik dan tidak mengenepikan realiti (108-114);
7. Menyeru ke arah kesungguhan, komitmen dan tidak melupakan hiburan dan rekreasi (115-119);
8. Merangkumkan isu global dan tidak mengabaikan isu tempatan (halaman 120-127);
9. Mementingkan kekinian dan mempertahankan keaslian (halaman 128-133);
10. Memandang masa hadapan dan tidak menafikan masa lalu (halaman 134-140);
11. Memudahcarakan fatwa dan menceriakan penyampaian dakwah (halaman 141-147);
12. Menyeru kepada ijtihad dan tidak melangkaui perkara yang sabit (halaman 148-157);
13. Menolak keganasan yang ditegah dan menyokong jihad yang disyariatkan (halaman 158-172);
14. Berlaku adil kepada wanita dan tidak menzalimi lelaki (halaman 173-183);
15. Menjaga hak minoriti dan tidak memihak kepada majoriti (halaman 184-194).

Berdasarkan data, unit analisis ialah inti pati maksud keseluruhan ayat yang menjelaskan kesemua ciri berkenaan. Contohnya, dalam ciri pertama, iaitu beriman kepada Allah dan tidak mengafirkan orang lain (halaman 56-64), terdapat maksud supaya beriman dan tanda keimanan itu adalah mengelak daripada mengafirkan orang lain. Oleh itu, keimanan dan hubungannya dengan menghormati orang lain merupakan inti pati maksud dalam contoh ini.

Dari segi kategori analisis pula, inti pati maksud berkenaan dikenal pasti mengandungi padanan yang sesuai dengan salah satu daripada empat elemen teras analisis wacana, serta sama ada sebagai elemen teras linguistik atau elemen teras bukan linguistik wacana agama dalam pemikiran al-Qardawi. Perihal padanan empat elemen teras serta elemen linguistik dan elemen bukan linguistik akan disentuh dalam kerangka kajian. Inti pati maksud juga dipertalikan sebagai gagasan dan model analisis wacana agama berpandukan pendekatan al-Qardawi.

Pemilihan pendekatan al-Qardawi (2004) adalah kerana ketajaman beliau tentang cabaran kontemporari Islam dan strategi menghadapinya. Al-Qardawi dilahirkan di Mesir pada 1926, dan kini menetap Qatar (Oxford Bibliographies, 2018). Beliau ialah ulama dan penulis prolifik rentas disiplin dalam pengajian Islam, dari fikah, usul fikah, al-Quran, hadis, syariah, akidah dan akhlak kepada politik, ekonomi, budaya, pendidikan dan pemikiran. Relevansi pendekatan al-Qardawi dalam artikel ini adalah kerana beliau merupakan tokoh pemikir yang sangat responsif terhadap pandangan negatif Barat mengenai Islam. Pada pertengahan tahun 1990-an, selepas Huntington (1993) melontarkan pandangannya tentang pertembungan tamadun Islam dan Barat, al-Qardawi (1995) lantas memberikan responsnya terhadap pandangan Huntington tersebut dalam bukunya *Al-Islām Hadārat al-Ghad*.

Prinsip wacana agama dalam era globalisasi beliau merupakan respons beliau terhadap imej negatif yang diberikan oleh Barat terhadap Islam khususnya pasca-11 September 2001. Menurut al-Qardawi (2004: 17), tugas membetulkan imej yang disalahertikan dan memberikan imej yang sebenarnya kepada Islam adalah

tugas orang Islam sendiri. Ada antara sikap dan pendekatan yang mereka amalkan menyebabkan terbentuknya imej negatif berkenaan; seperti mengkafirkan orang yang tidak memahami Islam.

Dari segi kerangka teoretikal kajian, model analisis wacana agama yang dibincangkan oleh Munif Zariruddin Fikri Nordin (2015) diterapkan dalam analisis. Model linguistik terapan ini mencadangkan empat elemen teras dalam analisis wacana agama, iaitu:

- a) Iman (praktis tauhid) yang ditandai oleh kepercayaan;
- b) Amal soleh I (ciri teks) yang terhasil daripada pemilihan kata;
- c) Amal soleh II (praktis wacana) yang terbentuk daripada konteks dan latar penggunaan kata;
- d) Pegangan agama (praktis sosial) yang menggambarkan iman dan amal soleh.

Elemen pertama dan keempat ialah bukan linguistik manakala elemen kedua dan ketiga pula ialah elemen linguistik. Keempat-empat elemen teras berkenaan boleh wujud secara bersama-sama atau berasingan dalam sesebuah teks. Dalam kajian ini, seperti yang dinyatakan dalam kategori analisis, kewujudan elemen berkenaan dianalisis secara berasingan. Pemadanan antara ciri dalam pendekatan wacana agama al-Qardawi (2004) dengan elemen teras berkenaan dilakukan dengan mengambil kira hubungan dari segi kata kerja, kata kunci, konteks dan latar, serta indikator pegangan agama.

Model ini merupakan pemurnian dan penambahbaikan yang dilakukan terhadap model terkenal analisis wacana, iaitu model tiga dimensi Norman Fairclough (1995): ciri teks, praktis wacana dan praktis sosiobudaya. Model Fairclough (1995) tidak mengandungi elemen kepercayaan sesuai dengan latar belakang kemunculannya dalam falsafah dan pemikiran linguistik British terutama melalui pengaruh sosialisme. Dengan itu, model Fairclough tidak berupaya menampung elemen iman dalam analisis wacana Islam.

## Analisis

Analisis dibahagikan kepada dua bahagian:

### 1. Elemen Teras Wacana Agama dalam Pemikiran al-Qardawi

Lima belas ciri dalam pendekatan wacana agama al-Qardawi (2004) dikenal pasti padanannya dengan salah satu daripada mana-mana empat elemen teras analisis wacana agama, iaitu iaitu iman (praktis tauhid), amal soleh I (ciri teks), amal soleh II (praktis wacana), dan pegangan agama (praktis sosial). Kedudukan pemadanan adalah seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Ciri Wacana Agama al-Qardawi dalam Elemen Teras Wacana

Ciri	Elemen Teras
1. Beriman kepada Allah dan tidak mengkafirkan orang lain	Iman (praktis tauhid)
2. Beriman kepada wahyu dan tidak menolak peranan akal	Iman (praktis tauhid)
3. Menyeru kepada spiritual dan tidak meminggirkan material	Amal soleh I (ciri teks)
4. Memberikan tumpuan kepada ibadah ritual dan tidak mengabaikan nilai akhlak	Amal soleh II (praktis wacana)
5. Menyeru ke arah menghargai kepercayaan dan menyebarluaskan toleransi dan kasih sayang	Amal soleh I (ciri teks)
6. Terpesona dengan contoh ikonik dan tidak mengenepikan realiti	Amal soleh II (praktis wacana)
7. Menyeru ke arah kesungguhan, komitmen dan tidak melupakan hiburan dan rekreasi	Amal soleh I (ciri teks)
8. Merangkumkan isu global dan tidak mengabaikan isu tempatan	Amal soleh II (praktis wacana)
9. Mementingkan kekinian dan mempertahankan keaslian	Pegangan agama (praktis sosial)
10. Memandang masa hadapan dan tidak menafikan masa lalu	Pegangan agama (praktis sosial)
11. Memudahcarakan fatwa dan menceriakan penyampaian dakwah	Amal soleh II (praktis wacana)

12. Menyeru kepada ijtihad dan tidak melangkaui perkara yang sabit	Amal soleh I (ciri teks)
13. Menolak keganasan yang ditegah dan menyokong jihad yang disyariatkan	Pegangan agama (praktis sosial)
14. Berlaku adil kepada wanita dan tidak menzalimi lelaki	Pegangan agama (praktis sosial)
15. Menjaga hak minoriti dan tidak memihak kepada majoriti	Pegangan agama (praktis sosial)

i. Beriman kepada Allah dan tidak mengafirkan orang lain

Wacana Islam berfungsi mengajak manusia beriman kepada Allah yang mencipta dan mentadbir seluruh isi alam ini. Antara kelemahan wacana Islam masa kini ialah penekanannya hanya kepada aspek yang menjadi kewajipan manusia; tanpa membicarakan hak, keperluan dan kehormatan manusia termasuk yang bukan Islam.

Oleh itu, wacana Islam sepatutnya memberi perhatian kepada penyelesaian permasalahan manusia, menghapuskan kezaliman, membebaskan mereka daripada kemiskinan, kesusahan, kesedihan, sikap putus asa, penyakit sosial, penyakit jiwa dan lain-lain. Wacana Islam sepatutnya mengelak daripada memandang rendah kepada orang lain yang tidak menerima Islam termasuk tidak mengafirkan mereka. Elemen teras yang dikenal pasti dalam ciri ini ialah iman (praktis tauhid). Kata kerja 'beriman' menggolongkan ciri ini ke dalam elemen berkenaan.

ii. Beriman kepada wahyu dan tidak menolak peranan akal

Wacana Islam perlu menonjolkan nilai wahyu kerana semua agama samawi adalah berasaskan wahyu. Pada masa yang sama, Islam tetap menghormati dan mengiktiraf peranan akal guna untuk melakukan kajian dan penyelidikan bagi mencapai sesuatu hakikat kebenaran. Oleh itu, wacana agama memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman tentang kepentingan akal dalam memahami isu agama dan tidak terikat dengan taqlid. Elemen teras yang dikenal pasti dalam ciri ini ialah iman (praktis tauhid). Kata kunci pengenalpastian ialah beriman.

iii. Menyeru kepada spiritual dan tidak meminggirkan material

Wacana Islam berperanan menjelaskan tentang aspek-aspek spiritual seperti keimanan kepada Allah s.w.t., hari pembalasan, taqarrub kepada Allah dengan amalan sunat dan nawafil, membersihkan jiwa dari segala penyakit hati dan sifat mazmumah, taqarrub kepada Allah dengan amalan kebaikan, bersifat ihsan terhadap orang lain, bersifat rahmat kepada makhluk lain.

Islam juga tidak melarang umatnya mengejar material, bahkan mengimbangi antara aspek spiritual dengan material. Dengan demikian, wacana Islam perlu mengetengahkan hakikat kepentingan keseimbangan di antara dunia dan akhirat. Ciri ini mengandungi elemen teras amal soleh I (ciri teks). Kata kerja 'menyeru' menentukan kedudukan ciri ini sebagai ciri teks.

iv. Memberikan tumpuan kepada ibadah ritual dan tidak mengabaikan nilai akhlak

Islam menyeru umatnya mengabdikan diri hanya kepada Allah dengan melaksanakan ibadah syiar seperti solat, puasa, haji, zakat dan lain-lain. Perlaksanaan ibadah melambangkan hubungan manusia yang erat dengan Allah. Ibadah yang diterima akan melahirkan manusia yang berakhlik. Wacana Islam perlu menitikberatkan soal akhlak dan etika yang semakin pudar dalam kehidupan seharian. Ibadat seperti solat, puasa, zakat yang tidak disertai oleh akhlak yang mulia adalah sia-sia di sisi Allah s.w.t. Ciri ini mengandungi elemen teras amal soleh II (praktis wacana). Penentuan ini ditandai oleh konteks dan latar, iaitu kepentingan ibadat ritual dan nilai akhlak.

v. Menyeru ke arah menghargai kepercayaan dan menyebarkan toleransi dan kasih sayang

Islam mengajar penganutnya supaya berpegang teguh dengan aqidah. Dalam masa yang sama, Islam menolak taksub beragama dengan menerima kewujudan agama lain serta menghormati hak-hak bukan Islam dengan cara bertoleransi, berbuat baik dan berkasih sayang dengan mereka. Dengan demikian, wacana Islam perlu mengenepikan perbezaan agama; dan mengamalkan toleransi dan kasih sayang di samping menolak sifat benci membenci di antara satu sama lain. Akan tetapi, toleransi yang dimaksudkan bukan sampai berkompromi dalam hal yang menggugat aqidah. Elemen teras wacana dalam ciri ini ialah amal soleh I (ciri teks). Kata kerja 'menyeru' bererti terdapat penggunaan bahasa

atau ciri teks untuk membuat seruan.

vi. Terpesona dengan contoh ikonik dan tidak mengenepikan realiti

Islam menyeru ke arah pembentukan individu, keluarga, masyarakat yang unggul hingga ke kepada pembentukan negara yang direndai Allah sebagaimana pembentukan negara Islam Madinah. Pembentukan ini memerlukan komitmen umat dengan melaksanakan kewajipan, meninggalkan perkara haram dan syubhat, kekuatan mental dan fizikal, keluhuran akhlak dan sifat-sifah mahmudah yang lain.

Dalam realiti kehidupan, terdapat manusia yang tidak iltizam dengan ajaran agama dan melakukan pelbagai kemungkaran dan maksiat. Golongan ini adalah sebahagian daripada masyarakat dan mereka bukanlah dari kalangan malaikat yang sentiasa taat dan tidak melakukan maksiat. Oleh itu, wacana Islam sewajarnya mengambil kira realiti kehidupan sehari-hari manusia dengan memberi peluang dan rangsangan kepada golongan seperti ini untuk berubah. Namun, Islam tidak akan tunduk atau berkompromi dengan realiti yang terang-terangan bercanggah dengan syariat, malah berusaha ke arah mencari penyelesaian terhadap fenomena tersebut. Elemen teras wacana dalam ciri ini ialah amal soleh II (praktis wacana). Terdapat konteks dan latar dalam pengenalpastian ciri dan elemen, iaitu keperluan kepada contoh ikonik.

vii. Menyeru ke arah kesungguhan, komitmen dan tidak melupakan hiburan dan rekreasi

Islam menyeru umatnya supaya sentiasa istiqamah dalam kehidupan sebagai manusia yang soleh dan berguna. Firman Sebagai manusia biasa, mereka akan merasai kepenatan dan stress. Justeru itu, wacana Islam perlu menganjurkan kerehatan dan hiburan sebagai keperluan hidup yang mesti dinikmati. Islam tidak pernah melarang manusia untuk berhibur asalkan ia tidak melampaui batas. Nabi s.a.w. dan para sahabat pernah bergurau senda dan berlawak jenaka yang tidak keterlaluan. Dalam ciri ini, amal soleh I (ciri teks) merupakan elemen teras wacana. Kata kerja ‘menyeru’ merupakan penentu ciri ini sebagai sebagai ciri teks dalam elemen teras wacana.

viii. Merangkumkan isu global dan tidak mengabaikan isu tempatan

Umat Islam sewajarnya sentiasa prihatin terhadap isu antarabangsa dan global dan bukan hanya menumpukan perhatian kepada isu-isu tempatan sahaja. Dalam Islam, globalisasi diasaskan kepada saling hormat-menghormati sesama manusia dan persamaan taraf seperti yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam ayat 13, surah al-Hujurat. Manakala globalisasi pada kacamata Barat ialah satu bentuk penjajahan baru terhadap negara yang lemah. Mereka dipaksa tunduk dari segi politik, ekonomi, sosial dan sebagainya kerana Barat mengusai sistem ekonomi, kecanggihan teknologi, kekuatan persenjataan dan menjadikan negara mereka sebagai tuan dan negara yang lemah sebagai hamba.

Oleh itu wacana Islam sepatutnya menekankan perbahasan tentang kedua-dua aspek globalisasi dan isu tempatan. Dalam ciri ini, amal soleh II (praktis wacana) merupakan elemen teras wacana. Konteks dan latar yang dikenal pasti ialah kepentingan kedua-dua isu global dan tempatan.

ix. Mementingkan kekinian dan mempertahankan keaslian

Islam ialah agama progresif yang sentiasa peka tentang isu dan perkembangan semasa dan sentiasa celik terhadap peralatan teknologi yang canggih. Umat Islam tidak boleh ketinggalan atau tidak mengambil peduli tentang isu dan perkembangan semasa di seluruh pelosok dunia. Oleh itu, wacana Islam sepatutnya mengetengahkan tajdid yang menolak sifat jumud, menggalakkan ijihad berdasarkan kajian dan menerima perubahan dan fleksibeliti. Perkara-perkata ini seajar dengan matlamat Islam yang tetap dan tidak berubah; tapi cara atau wasilah boleh berubah tertakluk kepada keperluan semasa. Elemen teras wacana yang dikesan ialah pegangan agama (praktis sosial). Mengambil peduli tentang perubahan semasa merupakan tuntutan agama.

x. Memandang masa hadapan dan tidak menafikan masa lalu

Wacana Islam sepatutnya merangsang pemikiran tentang masa depan umat selari dengan kemajuan dan kecanggihan sains dan teknologi. Mendepani perkara akan datang tidak bererti melupakan sejarah yang lampau. Lantaran itu, wacana Islam mesti menggalakkan pemikiran kritis dengan menggabungkan asas wahyu dengan rasional akal. Elemen teras wacana yang dikesan ialah pegangan agama (praktis sosial). Merancang masa depan dengan merujuk masa silam merupakan tanggungjawab umat Islam.

- xi. Memudahcarakan fatwa dan menceriakan penyampaian dakwah  
 Dunia berubah sejajar dengan perubahan dan perkembangan zaman. Ada perkara yang relevan pada masa lalu menjadi tidak relevan pada masa kini, terutama sistem, kaedah, teknologi dan peralatan. Sebagai penyelesaian, wacana Islam masa kini perlu menyeru ahli fatwa mengkaji semula fatwa yang terlalu keras sehingga menyusahkan umat. Perkara dibolehkan dalam perkara furu' (cabang agama) dan bukan masalah usul seperti aqidah dan ketuhanan. Sebagai contoh, Saidina Umar al-Khattab r.a. pernah meniru sistem percuakan (*kharaj*) dari Parsi dan sistem mesyuarat (parlimen) dari Rom. Pandangan yang keras tentang haram menggunakan sistem demokrasi (pilihanraya) kononnya berasal dari Barat patut diperbetulkan. Dalam ciri ini, amal soleh II (praktis wacana) didapati merupakan elemen teras wacana. Keperluan kepada fatwa yang kondusif merupakan konteks dan latar yang dikenal pasti.
- xii. Menyeru kepada ijтиhad dan tidak melangkaui perkara yang sabit  
 Perubahan zaman dan kemajuan sains dan teknologi menuntut ijтиhad dalam masalah yang tiada nas yang jelas. Jika ada pihak yang cuba menutup pintu ijтиhad, akan lahir satu golongan yang mengaku sebagai ahli ijтиhad, sedangkan mereka adalah golongan yang menolak al-Quran dan sunnah. Ini sudah tentu membawa imej yang buruk kepada agama Islam.  
 Oleh itu, wacana Islam perlu mengambil jalan tengah menyeru ahli dan pakar dalam bidang dan permasalahan yang terlibat mengeluarkan ijтиhad mereka. Dalam ciri ini, amal soleh I (ciri teks) didapati merupakan elemen teras wacana. Kata kerja ‘menyeru’ ialah kata kunci penentuan elemen ini.
- xiii. Menolak keganasan yang ditegah dan menyokong jihad yang disyariatkan  
 Wacana Islam masa kini bertanggungjawab menjelaskan perbezaan antara ekstrimis (irhab) dan jihad yang sebenar. Ramai yang keliru tentang istilah jihad dan membataskannya kepada memerangi orang kafir; sedang makna jihad sebenar ialah berusaha bersungguh-sungguh dalam menegakkan kebenaran dan memerangi kebatilan. Ini bermakna istilah jihad jauh lebih luas dari berperang.  
 Oleh yang demikian, wacana Islam mestilah menyarankan umat Islam supaya berhati-hati mentafsirkan maksud jihad kerana terdapat kumpulan yang mengaku sebagai jemaah jihad, tetapi membunuh kalangan yang tidak berdosa. Barat pula harus memahami Islam dan tidak terus menuding jari kepada Islam dan penganutnya apabila berlaku keganasan kerana keganasan boleh berlaku di mana-mana, dan boleh dicetuskan oleh sesiapa sahaja sama ada orang Islam atau bukan Islam. Elemen teras wacana ciri ini ialah pegangan agama (praktis sosial). Menolak keganasan ialah perintah agama yang mesti dipatuhi sebagai tanda berpegang kepada agama.
- xiv. Berlaku adil kepada wanita dan tidak menzalimi lelaki  
 Wacana Islam perlu membebaskan wanita dari fahaman kuno. Mereka juga perlu dibebaskan dari fahaman jahiliah moden masa kini yang memperjuangkan liberalisasi wanita hingga hilang identiti dan sifat kewanitaan mereka. Wacana Islam juga perlu memainkan peranan meletakkan mereka berdasarkan kelayakan dan kemampuan mereka sebagai agen pembangunan sama seperti lelaki asalkan tidak melanggar prinsip agama. Elemen teras wacana ciri ini ialah pegangan agama (praktis sosial). Keadilan merupakan asas penting dalam Islam yang wajib ditegakkan sebagai perintah dan pegangan agama.
- xv. Menjaga hak minoriti dan tidak memihak kepada majoriti  
 Islam adalah agama yang membawa rahmat dan keadilan kepada seluruh alam. Keadilan Islam bukan terhad kepada orang Islam sahaja. Rakyat bukan Islam di dalam negara Islam berhak menikmati hak-hak yang diberikan kepada orang Islam. Tidak dapat dinafikan terdapat sebilangan umat Islam yang terkeliru dan berfikiran sempit dalam soal ini malah sanggup melakukan perkara yang melampaui batas seperti mengkafirkan orang Islam dan menzalimi orang kafir.  
 Oleh itu, wacana Islam sepatutnya mengajak umat Islam dan bukan Islam berlapang dada dan hidup bertoleransi tanpa membezakan fahaman politik dan agama supaya dapat menjalani kehidupan dengan aman dan harmoni. Elemen teras wacana ciri ini ialah pegangan agama (praktis sosial). Pemeliharaan hak minoriti ialah hak asasi manusia yang dijunjung tinggi oleh Islam sebagai praktis agama.

Kesemua lima belas ciri dalam pendekatan wacana agama al-Qardawi mempunyai padanan dengan salah satu daripada keempat-empat elemen teras analisis wacana agama, iaitu iaitu iman (praktis tauhid), amal soleh I (ciri teks), amal soleh II (praktis wacana), dan pegangan agama (praktis sosial).

### Gagasan dan Model Analisis Wacana Agama Berpandukan Pendekatan al-Qardawi

Berdasarkan analisis elemen teras wacana agama dalam pemikiran al-Qardawi sebelum ini, pemanfaatan antara ciri wacana agama beliau dengan elemen teras wacana menunjukkan bahawa hampir terdapat keseimbangan antara kedua-dua elemen linguistik dengan bukan linguistik. Hal ini demikian kerana elemen linguistik mempunyai padanan dengan lapan ciri, manakala elemen bukan linguistik pula mempunyai padanan dengan baki tujuh ciri, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Padanan Ciri Wacana Agama al-Qardawi dengan Elemen Teras Wacana

Ciri	Elemen Teras	Linguistik/ Bukan Linguistik
1. Beriman kepada Allah dan tidak mengkafirkan orang lain 2. Beriman kepada wahyu dan tidak menolak peranan akal	Iman (praktis tauhid)	Bukan linguistik
3. Menyeru kepada spiritual dan tidak meminggirkkan material 5. Menyeru ke arah menghargai kepercayaan dan menyebarkan toleransi dan kasih sayang 7. Menyeru ke arah kesungguhan, komitmen dan tidak melupakan hiburan dan rekreasi 12. Menyeru kepada ijihad dan tidak melangkaui perkara yang sabit	Amal soleh I (ciri teks)	Linguistik
4. Memberikan tumpuan kepada ibadah ritual dan tidak mengabaikan nilai akhlak 6. Terpesona dengan contoh ikonik dan tidak mengenepekan realiti 8. Merangkumkan isu global dan tidak mengabaikan isu tempatan 11. Memudahcarakan fatwa dan menceriakan penyampaian dakwah	Amal soleh II (praktis wacana)	Linguistik
9. Mementingkan kekinian dan mempertahankan keaslian 10. Memandang masa hadapan dan tidak menafikan masa lalu 13. Menolak ke ganasan yang ditegah dan menyokong jihad yang disyariatkan (halaman 14. Berlaku adil kepada wanita dan tidak menzalimi lelaki 15. Menjaga hak minoriti dan tidak memihak kepada majoriti	Pegangan agama (praktis sosial)	Bukan linguistik

Lapan ciri yang dikelompokkan sebagai elemen linguistik adalah terdiri daripada masing-masing empat ciri amal soleh I (ciri teks) dan empat ciri amal soleh II (praktis wacana). Tujuh ciri lain pula yang diklasifikasikan sebagai elemen bukan linguistik ialah dua daripada ciri iman (praktis tauhid) dan lima daripada ciri pegangan agama (praktis sosial).

Kedudukan hampir seimbang antara kedua-dua elemen ini menunjukkan bahawa elemen linguistik dan bukan linguistik wujud secara bersama atau bersepada. Dengan kata lain, elemen linguistik wujud dalam setiap keadaan dan suasana, termasuk yang bersifat bukan linguistik. Begitu juga sebaliknya, elemen bukan linguistik memerlukan elemen linguistik kerana tidak mungkin makna dapat disampaikan tanpa penggunaan bahasa dan penghasilan kata.

Nisbah yang hampir seimbang ini juga memperlihatkan kerelevan pendekatan al-Qardawi untuk diangkat dan diketengahkan sebagai sebagai satu gagasan pembentukan sebuah model analisis wacana agama khususnya dalam linguistik. Model ini berupaya mengukuhkan aplikasi dan interpretasi model analisis wacana agama sedia ada.

Pada keseluruhannya, kesemua ciri dan kedudukannya dalam elemen teras wacana mengandungi tiga gagasan utama, yang bersifat menegak (vertikal) dan mendatar (horizontal), iaitu ketuhanan, kemanusiaan dan kemasyarakatan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Gagasan Utama Pendekatan al-Qardawi


<b>Ciri</b>	<b>Gagasan</b>		
	<b>Ketuhanan</b>	<b>Kemanusiaan</b>	<b>Kemasyarakatan</b>
1.	Keimanan kepada Allah ialah perintah Tuhan	Menilai kekurangan diri dan menghargai kelebihan orang lain	Tidak mengkafirkan orang lain
2.	Keimanan kepada wahyu ialah perintah Tuhan	Tidak menolak peranan akal	Peranan akal dan logik dalam penyampaian makna kepada pelbagai khalayak
3.	Seruan kepada spiritual ialah perintah Tuhan	Tidak menolak material	Pembangunan yang seimbang antara spiritual dan material
4.	Tumpuan kepada ibadat ritual ialah perintah Tuhan	Tidak abaikan nilai akhlak	Ibadat ritual dan nilai akhlak sama penting dalam bermasyarakat
5.	Seruan menghargai kepercayaan ialah perintah Tuhan	Kepercayaan, toleransi dan kasih sayang wajib ada pada setiap insan	Toleransi dan kasih sayang atas kehidupan bermasyarakat
6.	Terpesona dengan contoh ikonik ialah tanda penciptaan Tuhan	Contoh teladan penting sebagai panduan	Realiti kehidupan bermasyarakat berbeza dengan contoh teladan
7.	Seruan ke arah kesungguhan ialah perintah Tuhan	Kesungguhan dan komitmen penting untuk peningkatan diri	Keperluan kepada rekreasi dan hiburan ialah keperluan bermasyarakat
8.	Rangkuman isu global ialah tanda kekuasaan Tuhan	Pengetahuan tentang isu global dan tempatan penting	Isu global dan tempatan ialah isu mengenai masyarakat
9.	Kepentingan kekinian tanda kekuasaan Tuhan	Cakna kekinian tanda cakna diri	Kekinian mempunyai pengaruh terhadap masyarakat
10.	Memandang masa depan ialah perintah Tuhan	Bersifikiran ke hadapan dan tidak melupai sejarah	Kehidupan bermasyarakat perlu perancangan masa depan
11.	Pemudahcaraan fatwa ialah tanda kepatuhan kepada Tuhan	Permudahkan penyampaian dakwah tanggungjawab bersama	Penyampaian dakwah melibatkan kehidupan masyarakat
12.	Seruan kepada ijtihad ialah tanda kepatuhan kepada Tuhan	Ijtihad tanda cakna kepada potensi diri	Ijtihad memerlukan penglibatan kolektif
13.	Penolakan keganasan ialah perintah Tuhan	Keganasan tanda kerosakan diri	Keganasan melibatkan dan menjelaskan orang lain
14.	Keadilan kepada wanita ialah perintah Tuhan	Hak wanita ialah hak asasi manusia	Hak wanita bermakna hak sebahagian masyarakat
15.	Penjagaan hak minoriti ialah perintah Tuhan	Hak minoriti ialah hak untuk menikmati kehidupan	Hak minoriti bermakna hak hidup bermasyarakat

Gagasan ketuhanan ialah gagasan yang menghubungkan manusia dengan Tuhan secara menegak. Misalnya, manusia yang beriman kepada Tuhan memerlukan bahasa untuk berhubung dengan Tuhan berdasarkan konteks. Dalam gagasan ini, terdapat tiga elemen, iaitu beriman (praktis tauhid), bahasa untuk berhubung (ciri teks) dan konteks berhubung dengan Tuhan (praktis wacana).

Gagasan kemanusiaan dan kemasyarakatan pula merangkumkan hubungan mendatar manusia sesama manusia secara inklusif. Contohnya, setiap manusia yang beriman dalam komuniti masyarakatnya memerlukan bahasa untuk berkomunikasi dengan orang lain, bergantung kepada konteks dan latar, dengan tujuan mewujudkan kesejahteraan bersama. Gagasan ini mengandungi empat elemen, iaitu beriman (praktis tauhid), bahasa untuk berhubung (ciri teks), konteks berhubung dengan Tuhan (praktis wacana) dan mewujudkan

kesejahteraan yang menjadi matlamat bersama (praktis sosial).

Dalam bentuk model, elemen dalam gagasan kemanusiaan dan kemasyarakatan umpamanya ditunjukkan seperti dalam Rajah 1. Elemen paling dalam ialah iman (praktis tauhid), diikuti oleh elemen ciri teks, dan kemudian disusuli oleh praktis wacana. Elemen paling luar ialah praktis sosial. Susunan ini menunjukkan bahawa elemen bukan linguistik adalah yang paling dalam dan paling luar, sementara elemen linguistik berada di tengah-tengah dan diapit oleh elemen bukan linguistik.



Rajah 1. Model Gagasan Kemanusiaan dan Kemasyarakatan

Dari segi aplikasi, elemen-elemen berkenaan boleh ditukar dan diubah kedudukannya. Misalnya, elemen linguistik (ciri teks dan praktis wacana) boleh diletakkan sebagai dua elemen awal dan seterusnya diikuti oleh dua elemen bukan linguistik (praktis tauhid dan praktis sosial).

## KESIMPULAN

Selepas 17 tahun, pemikiran dan pendekatan al-Qardawi (2004) tetap relevan, segar dan realistik. Beliau menyifatkan globalisasi sebagai era yang perlu kepada wacana agama bentuk baharu. Sifat baharu yang dimaksudkan hanyalah melibatkan perubahan strategi bagi sebahagian elemen, sementara bagi sebahagian elemen lain yang berupa prinsip kekal tidak berubah.

Kesemua lima belas ciri dalam pendekatan wacana agama al-Qardawi mempunyai padanan dengan salah satu daripada keempat-empat elemen teras analisis wacana agama, iaitu iaitu iman (praktis tauhid), amal soleh I (ciri teks), amal soleh II (praktis wacana), dan pegangan agama (praktis sosial). Terdapat empat ciri yang menepati amal soleh I (ciri teks), empat ciri yang sesuai dengan amal soleh II (praktis wacana), dua ciri yang membawa makna iman (praktis tauhid) dan lima yang menjurus kepada ciri pegangan agama (praktis sosial).

Pemadanan tersebut memperlihatkan bahawa hampir terdapat keseimbangan jumlah ciri antara kedua-dua elemen linguistik dengan bukan linguistik. Kedudukan ini menunjukkan bahawa elemen linguistik dan bukan linguistik wujud secara bersama atau bersepadan. Dengan kata lain, kedua-dua elemen saling melengkapi antara satu sama lain.

Pendekatan wacana agama al-Qardawi mempunyai relevansi untuk ditonjolkan sebagai satu gagasan pembentukan sebuah model analisis wacana agama, khususnya dalam linguistik. Model ini berupaya menawarkan interpretasi yang lebih kukuh dan mantap kepada model analisis wacana agama sedia ada, sebagai reaksi masyarakat Islam terhadap isu sejagat, dari cabaran dan ancaman globalisasi sebagaimana yang disorot

dalam sorotan karya sehingga kepada matlamat pembangunan lestari, ekstremisme, radikalisme, Islamofobia, ucapan kebencian, kehidupan selepas pandemik COVID-19 dan sebagainya.

## Rujukan

- Abdul Karim Zaidān. 1987. *Usūl al-Da`wat*. Beirut: Mu`assasat al-Risālah.
- Fairclough, N. 1995. *Media Discourse*. London: Edward Arnold.
- Fairclough, N. 2010. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. Second Edition London: Routledge.
- Farah Farhana Rosli, Mohd Anuar Ramlī, Nordiana Asra A. Rahim dan Noraziah Ahmad Nadzim. 2015. Cabaran Globalisasi dalam Memahami Keperluan Waqi` Kehidupan dan Pendidikan Islam: Satu Sorotan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5*, 447-458.
- Kamus Dewan*. 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huntington, S. P. 1993. The Clash of Civilizations? In *Foreign Affairs*, Summer 72 (3), pp. 22-49.
- Idris Aman dan Kamila Ghazali (2016). *Prawacana*. Dalam Idris Aman dan Kamila Ghazali (Eds.) *Praktis Analisis Wacana* (hal. xiii-xviii). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jones, R. H. 2012. *Discourse Analysis: A Resource Book for Students*. London: Routledge.
- Jørgensen, M. W. dan Phillips, L. 2002. *Discourse Analysis as Theory and Method*. London: SAGE Publications Ltd.
- Lim Kim Hui dan Har Wai Mun. 2007. *Globalisasi, Media dan Budaya: Antara Hegemoni Barat dengan Kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud ‘Akasyah. 2005. *Al-Khiṭāb al-Siyāsi: Dirāsat Lughawiyyat Taṭbiqiyyat fī Daw’ Nazariyyat al-Ittiṣāl*. Kaherah: Dār al-Nasyr li al-Jāmi’āt.
- Mahmud ‘Akasyah. 2014. *Tahlīl al-Khiṭāb fī Daw’ Aḥdāth al-Lughat: Dirāsat Taṭbiqiyat li Asālib al-Ta’thir wa al-Iqnā’ al-Hijāiy fī al-Khiṭāb al-Nuswiyy fī al-Qur’ān al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Nasyr li al-Jāmi’āt.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2015. ‘Ilm al-Tafsir and Critical Discourse Analysis: A Methodological Comparison. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(1), 129-142.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2016. Analisis Wacana Agama dan Permasalahan Metodologi. Dalam Idris Aman dan Kamila Ghazali (Eds.) *Praktis Analisis Wacana* (hal. 133-147). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mustafa Daud. 2002. *Cabaran Tamadun Islam pada Alaf Baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noddings, N. 2010. Moral Education in an Age of Globalization. *Educational Philosophy and Theory*, 42(4), 390-396.
- Osman Bakar. 2008. Pengaruh Globalisasi Terhadap Peradaban. *Jurnal Peradaban*, Jilid 1, 2008, 1-16.
- Oxford Bibliographies. 2018. *Yusuf al-Qaradawi*. Capaian pada 16 November 2021 daripada <https://www.oxfordbibliographies.com/view/document/obo-9780195390155/obo-9780195390155-0098.xml>
- Al-Qardawi, Yusuf. 1995. *Al-Islām Hadārat al-Ghad*. Kaherah: Dār al-Syurūq.
- Al-Qardawi, Yusuf. 2001. *Islam dan Globalisasi Dunia*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Al-Qardawi, Yusuf. 2004. *Khitābunā al-Islāmīy fī `Asr al-`Awlamat*. Kaherah: Dār al-Syurūq.
- Al-Sabunīy, Muhammad Ali. 1979. *Ṣafwāt al-Tafāsīr*. Kaherah: Dār al-Sābūnīy.